

20 MAY 1996

Razali

SEBAB MALAYSIA MEMPUNYAI BANGUNAN TERTINGGI DI DUNIA

Oleh: Salmly Hashim

SAN FRANCISCO, 20 Mei (Bernama) -- Pada 2 Mei, akhbar New York Times mengeluarkan sebuah rencana bertajuk "Malaysia Melihat Dunia Di Bawah Dari Ketinggian 1,483 Kaki (452 meter)".

Menyentuh mengenai bangunan tertinggi di dunia -- Menara Kembar Petronas yang hampir siap di Kuala Lumpur -- rencana itu berkata: "Ini satu pencapaian yang bermakna kepada Malaysia, yang berazam untuk menjadi pemain di arena antarabangsa, dan simbolisme ini kena pada tempatnya. Mungkin tidak ada negara lain yang bersemangat seperti Malaysia untuk membangun dari segi fizikal."

Tetapi bagi Wakil Tetap Malaysia ke PBB yang berpangkalan di New York, Tan Sri Razali Ismail, bangunan tertinggi ini mencerminkan kepelbagaian rakyat Malaysia, dan kestabilan, kemajuan dan kemakmuran yang dicapai oleh negara ini.

"Dengan mempunyai bangunan tertinggi tidak menjadikan Malaysia seorang pemain di arena antarabangsa, tetapi kecergasan antarabangsanya semenjak beberapa tahun kebelakangan adalah hasil dari proses evolusi dan penglibatan," kata Razali.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada jamuan tengah hari sempena dengan Forum Perniagaan Malaysia-Amerika Syarikat di Hotel Nikko di sini. Forum itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Melihat Malaysia dari New York yang juga mempunyai banyak bangunan tertinggi di dunia, Razali berkata beliau nampak kecergasan Malaysia tidak setakat dihasilkan oleh kepimpinan politik dan kepimpinan Malaysia bukan cergas di luar negara untuk mengalih perhatian atau untuk menutup kekurangan di dalam negara.

Semasa bercakap mengenai "Peranan Malaysia Dalam Masyarakat Negara-negara Antarabangsa", Razali berkata kecergasan Malaysia dicetuskan oleh peringkat akar umbi.

Sambil memberi contoh, beliau berkata dalam isu-isu seperti Bosnia-Herzegovina, keadilan alam sekitar ataupun demokrasi di kalangan negara-negara, masyarakat Malaysia memegang pendapat yang kukuh dan mengharapkan supaya wakil-wakil mereka dan pekerja kerajaan mempamerkan pendirian di mana-mana sahaja.

"Tetapi biar saya gariskan yang Malaysia tidak mempunyai satu peranan yang ditetapkan. Kami gembira kerana dapat menjadi pemangkin kepada perubahan, menyertai yang lain menentukan persetujuan ramai ke arah dunia yang lebih baik dalam menggalakkan nilai-nilai universal dan demokrasi di kalangan negara-negara dan mengurangkan elitisme.

"Mungkin 15 tahun dahulu Malaysia boleh memilih untuk hanya mencapai pertumbuhan ekonomi dan menjadi "budak baik", memilih "seorang penaung" dari sebuah kuasa besar yang akan memberi telunjuk kepada kedudukan kami dalam isu-isu," kata beliau.

Tetapi kata Razali, Malaysia mengambil keputusan untuk membuat yang sebaliknya dan memilih untuk menjadi kritikal, pragmatik dalam mencari dan menyokong prinsip-prinsip sejagat dan tidak berlindung di bawah payung "penaung".

Razali, yang dianggap duta yang paling dihormati di PBB, berkata pada pendapatnya sendiri, hubungan luar Malaysia diasaskan kepada "pragmatisme yang berprinsip".

Cabaran Malaysia sebagai sebuah negara ialah merujuk kepentingan prinsip-prinsip dan kepentingan pragmatisme dalam hubungan antara negara

dan antarabangsa.

"Walaupun kami pentingkan persamaan kedaulatan, kami juga sedar bahawa bukan semua negara itu ada persamaan."

Sekali lagi mengkritik PBB, beliau berkata: "Piagam PBB menerima hakikat yang sesetengah negara tidak mempunyai persamaan dengan yang lain, tetapi perlu ada komitmen kepada satu program global dan tanggungjawab global, yang kurang terbukti di PBB pada masa ini kerana mereka yang lebih mempunyai persamaan dari yang lain gagal menjadi pemimpin yang bertanggungjawab di PBB."

Mengulas mengenai penglibatan Malaysia dalam membantu Bosnia, yang kata beliau merupakan pengalaman geo-strategik pertama bagi negara ini, Razali menjelaskan yang ianya diasaskan kepada mencegah kemusnahan sebuah negara berbagai-bagai bangsa, berbagai-bagai agama di Eropah, yang dikatakan sebahagian dari dunia yang mendapat cahaya.

Berikutan dengan Perjanjian Dayton yang membuka peluang untuk perdamaian diwujudkan di negara Balkan yang kehancuran itu, tentera Malaysia sekarang berada di Bosnia sebagai sebahagian daripada pasukan pengaman berbagai-bagai negara (IFOR) yang diketuai oleh NATO.

Beliau memberitahu forum itu yang Malaysia merupakan satu-satunya negara membangun yang menyertai IFOR dan hakikat yang ia bersedia untuk membiayai keseluruhan kos operasi menjaga batalion seramai 1,500 anggota itu menunjukkan kesediannya bertindak apa yang dikotakannya.

"Dengan terdedah kepada beberapa risiko, kami menentang selektiviti, talam dua muka dan elitisme global," kata beliau.

Razali berkata dengan mengkritik orang lain, Malaysia terdedah untuk dikaji secara kritikal oleh orang lain dan ini satu perkara yang tidak boleh dielakkan.

"Malaysia akan terus memainkan peranannya membina jambatan kerakanan yang bermakna dengan negara-negara lain tanpa mengira saiz dan taraf pembangunan mereka untuk memberi sumbangan ke arah masa depan bersama dan keadilan bersama," kata beliau.

-- BERNAMA

AU WAT AHH